

Istana Negara baru siap 2010

Seri Paduka sempurnakan majlis pecah tanah projek RM400j di Jalan Duta

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail semalam menyempurnakan majlis pecah tanah projek Istana Negara yang baru di Jalan Duta, di sini, bagi menggantikan istana sedia ada yang terhad fungsinya.

Pada majlis itu, baginda diberikan taklimat, dipersembahkan dengan tawaran multimedia serta diiringi melihat dari dekat model pembangunan projek yang harga maksimumnya RM400 juta dan dijangka siap menjelang 2010.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak turut mengiringi baginda.

Abdullah dalam perutusannya dalam buku cenderamata perasmian majlis itu berkata, projek itu yang pada dasarnya mula dirancang empat tahun lalu bertujuan menggantikan Istana Negara sedia ada di Jalan Istana dengan sebuah kompleks Istana Negara baru yang serba lengkap dan terancang.

Beliau berkata, ia menerusi proses perancangan serta reka bentuk khusus dan teliti bagi memastikan kemudahan itu dapat memenuhi fungsi dan keperluan sebagai tempat berlangsungnya istiadat rasmi ketua ne-

gara, selain sebagai tempat bersemayam Seri Paduka.

Pada majlis itu Abdullah turut merakamkan rasa terutang budi kepada baginda yang berkenan memberikan banyak cetusan ilham tidak ternilai sepanjang perancangan dan reka bentuk projek terbabit.

"Sebagai penghargaan dan penghormatan, kerajaan memutuskan upacara pecah tanah projek ini disempurnakan sendiri oleh baginda sebelum menamatkan tempoh pemerintahan sebagai Yang di-Pertuan Agong pada akhir tahun ini.

"Semoga dengan terbinanya Istana Negara yang baru ini nanti, ia bukan saja bakal menjadi satu lagi mercu tanda utama kepada negara malah lambang kedaulatan institusi raja berperlembagaan di negara ini," katanya.

Kompleks Istana Negara baru yang mempunyai keluasan lantai sekitar 75,000 meter persegi tidak termasuk ruang letak kereta itu akan dibina di kawasan seluas 97.6 hektar.

Ia dibahagi kepada empat komponen utama iaitu sayap Formal, sayap Diraja, sayap Pentadbiran dan sayap kemudahan Sokongan.

Ia juga akan mengandungi Balai-rong Seri, Dewan Menghadap, Dewan Santapan dan bilik istiadat rasmi manakala Sayap Diraja menempatkan tempat bersemayam Yang di-Pertuan

Agong dan Raja Permasuri Agong serta kerabat baginda.

Pejabat pentadbiran dan pengurusan utama istana ditempatkan di Sayap Pentadbiran. Kompleks itu juga mempunyai kuarters kediaman kakitangan istana dan polis, pejabat

keselamatan dan kem mini tentera.

Reka bentuknya bercirikan tradisional kesultanan Melayu dan kuibahnya melambangkan kerajaan beraja Islam. Reka bentuknya disediakan juru perunding, Kumpulan Senireka Sdn Bhd.

Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu yang ditemui selepas itu berkata, Perdana Menteri mengarahkannya menjaga alam sekitar kawasan berkenaan termasuk menanam pokok baru yang berkualiti seperti pokok jelutong dan ipoh.